



**PERINTAH KHAS KETUA PEMERIKSA  
BILANGAN 1 TAHUN 2020  
PENGURUSAN KESELAMATAN STRUKTUR SEMENTARA (PERANCAH, ACUAN DAN PENYANGGA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 27(1) Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139], Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera mengeluarkan perintah khas yang berikut:

1. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (a) **Pengurus** adalah orang yang diambil kerja dalam mana-mana perkhidmatan yang melibatkan pengurusan atau pengendalian bagi, atau penjagaan ke atas, atau kedekatan kepada, mana-mana jentera atau proses yang dijalankan dalam mana-mana tempat kerja;
- (b) **Orang yang ditetapkan** ertinya seorang yang kompeten yang dilantik oleh majikan untuk menjalankan apa-apa kerja penyeliaan atau pemeriksaan atau melaksanakan apa-apa tugas atau kewajipan yang telah ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986.

2. **Pengurus** hendaklah memastikan:

- (a) pelantikan Jurutera Professional, orang yang ditetapkan dan pekerja-pekerja lain bagi menjalankan tugas-tugas yang dinyatakan di dalam Bahagian III dan X, Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986;
- (b) pekerja-pekerja yang dilantik di bawah Perintah 2(a), mematuhi kehendak perundangan;
- (c) prinsip-prinsip yang diakui umum tentang amalan yang baik dan selamat diamalkan;
- (d) sistem permit menjalankan kerja (*permit-to-work*) dilaksanakan;
- (e) penyediaan peruntukkan masa, bahan, bajet dan sumber lain yang sesuai dan mencukupi;
- (f) tiada perancah boleh digunakan sebelum diperiksa dan dipastikan selamat oleh orang yang ditetapkan; dan
- (g) dokumen dan rekod-rekod berkaitan struktur sementara (perancah, acuan, dan penyangga) dikemaskini dan disimpan di tempat kerja untuk tujuan pemeriksaan pada bila-bila masa.

3. **Pengurus** hendaklah memastikan bahawa Jurutera Profesional:

- (a) membuat apa-apa reka bentuk dan lukisan, ujian, pemeriksaan, penyediaan maklumat dan langkah-langkah pengendalian struktur sementara yang wajar; dan
- (b) menyelia pembinaan dan kestabilan struktur sementara yang direka bentuk olehnya adalah selamat.

4. **Pengurus** hendaklah memastikan bahawa orang yang ditetapkan:

- (a) memeriksa semua bahan yang digunakan mengikut standard yang ditetapkan, tiada sebarang kecacatan dan selamat untuk digunakan;
- (b) menyelia secara terus kerja-kerja struktur sementara mengikut reka bentuk yang ditetapkan semasa ia dibina, diubah dan ditanggalkan;
- (c) menyelia secara terus kerja-kerja penyanggaan semula struktur sementara secara menyeluruh mengikut reka bentuk yang ditetapkan;
- (d) menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh ke atas struktur sementara semasa dan selepas pembinaan; dan
- (e) memeriksa perancah dalam tempoh setiap tujuh hari, atau setiap kali perancah terdedah kepada keadaan cuaca atau insiden yang mungkin menjejaskan keteguhan atau kestabilannya atau telah menyebabkan mana-mana bahagiannya teranjak.

#### **Penalti**

Mana-mana orang yang melanggar perintah khas ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didakwa di bawah seksyen 8(g) Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139] dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**HJ. IR. OMAR BIN MAT PIAH**  
Ketua Pemeriksa  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

13 Mac 2020